

**KESESUAIAN ISI KANDUNGAN, MASA, KEMUDAHAN DAN ALATAN, DAN KAEDAH
TUNJUKCARA (DEMONSTRASI) DALAM MATAPELAJARAN KEMAHIRAN
TEKNIKAL PERINGKAT MENENGAH RENDAH DARI PERSPEKTIF
GURU-GURU KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH KLUANG**

Abdul Rahim B. Hamdan & Ahmad Faizal Bin Ayop
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan membuat tinjauan terhadap perspektif guru-guru kemahiran teknikal di daerah Kluang mengenai kesesuaian matapelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah. Objektif kajian ialah untuk mengetahui kesesuaian sukatan, masa, alatan dan kemudahan dan kaedah pengajaran. Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan statistik deskriptif perbandingan min. Instrumen kajian yang digunakan ialah set soal selidik yang digunakan untuk mengumpulkan data mengenai empat aspek iaitu kesesuaian sukatan, masa, alatan dan kemudahan dan kaedah pengajaran. Responden terdiri daripada 40 orang guru-guru yang mengajar subjek kemahiran teknikal di daerah Kluang yang terlibat secara langsung dengan pengajaran matapelajaran kemahiran teknikal. Nilai kebolehppercayaan ialah 0.742. Semua data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan program SPSS versi 14.0 untuk memperolehi frekuensi, peratus, min dan nilai ujian -t. Hasil kajian mendapati guru-guru kemahiran teknikal mempunyai pandangan yang positif terhadap sukatan, alatan dan kemudahan serta kaedah pengajaran kemahiran teknikal menengah rendah. Walau bagaimanapun aspek masa masih perlu diperbaiki dalam proses mengajar matapelajaran kemahiran teknikal. Dengan dapatan purata min 3.65. Berdasarkan ujian -t, tidak terdapat perbezaan kesesuaian isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemudahan dan alatan dan kesesuaian, dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru-guru mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah. Namun ia tidak menghalang guru-guru dari terus mengajar matapelajaran ini demi untuk mencapai objektif Falsafah Pendidikan Negara iaitu melahirkan pelajar yang berketrampilan dalam semua bidang.

Abstract: The purpose of this study is investigate the Technical Skills (Kemahiran Teknikal) teacher's perspective in Kluang on Technical Skills subject in lower secondary school level. The objective of the study is to know the suitability of content, allotment of time, equipment and facility, and teaching methods. The design of the study is descriptive, carried out by using descriptive statistical comparison mean. The instrument of the study is a set of questionnaires which is used to cater for the data of four aspects of the study that are chapter suitability, time, equipment and facility, and teaching method. The respondents of the study are 40 teachers in Kluang who are directly involved in teaching the Technical Skills subject. The Alpha value for these questionnaires is 0.742. All the data collected is analyzed by using SPSS version 14.0 to get its frequency, percent, mean and t-test value. According to the findings, with an average mean of 3.65, the time aspect still needs to be improved in the process of teaching Technical Skills. Based on the t-test, there are no differences in term of the suitability of content, allotment of time, equipment and facility, and teaching methods between technical skill teachers of either gender. However, this does not stop teachers from continuing to teaching this subject to achieve the objectives of the National Philosophy of Education to produce students who are well skilled in all fields.

Katakunci: kemahiran teknikal, guru

Pengenalan

Sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 bagi menghadapi cabarancabarannya, Kementerian Pelajaran Malaysia dan agensi-agensinya telah mengatur beberapa strategi untuk mengubah sikap masyarakat terhadap Pendidikan teknik khususnya Pendidikan Vokasional kerana sebelum ini masyarakat memandang rendah terhadapnya. Justeru itu, matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu diperkenalkan dalam program KBSM. Melalui matapelajaran ini, objektif tersebut dapat dicapai dengan mendedahkan pelajar-pelajar menengah rendah kepada Pendidikan Teknik dan Vokasional, disamping menekankan terhadap nilai-nilai yang tinggi seperti keupayaan untuk bekerja keras, semangat untuk memajukan diri, etika kerja yang baik, disiplin serta semangat untuk bersaing (Kementerian Pelajaran Malaysia 1991)

Oleh itu, matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu digubal sedemikian rupa dengan harapan dapat memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia mengorak langkah dalam menjayakan Matlamat Falsafah Pendidikan Negara itu iaitu melahirkan generasi negara akan datang yang seimbang dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek serta berkecemerlang.

Pernyataan Masalah

Secara umumnya guru-guru Kemahiran Hidup sekolah menengah rendah dijangka dapat mendalami pengetahuan dan kefahaman mengenai matlamat matapelajaran Kemahiran hidup, menguasai isi kandungan sukatan pelajaran ini melalui strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta mempraktikkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan di dalam bilik darjah.

Sukatan pelajaran Kemahiran Hidup (rombakan 2002) dirancang untuk mencapai tujuan tersebut. Walaupun struktur sukatan pelajaran ini merangkumi semua aspek yang perlu diajar oleh guru Kemahiran Hidup, namun adakah ianya bersesuaian dengan tahap pelajar menengah rendah dari segi isi kandungan, masa, kemudahan dan peralatan yang mencukupi atau tidak atau kaedah tunjuk cara (demonstrasi) yang digunakan oleh guru itu sendiri dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Sejauhmana kesesuaian sukatan Kemahiran Teknikal untuk pelajaran peringkat menengah rendah. Bagi menjawab persoalan tersebut, satu kajian yang terperinci dibuat bagi menilai kesesuaian sukatan pelajaran Kemahiran Teknikal dari segi isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) untuk pelajaran menengah rendah mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup.

Objektif Kajian

Dalam mengkaji masalah ini, beberapa objektif telah dikenalpasti bagi mengetahui kesesuaian sukatan Kemahiran Teknikal mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup. Objektif khususnya ialah:

1. Menenalpasti kesesuaian isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal bagi pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah.
2. Menenalpasti masa yang diperuntukkan sesuai bagi sesuatu sesi pengajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
3. Menenalpasti kemudahan dan alatan mencukupi diperolehi bagi proses pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
4. Menenalpasti kaedah tunjuk cara (demonstrasi) sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

5. Mengenalpasti perbezaan kesesuaian isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru-guru mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

Rasional kajian

Melalui kajian ini diharapkan ianya dapat memberikan gambaran tentang kesesuaian sukatan pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu mengikut persepsi guru-guru Kemahiran Teknikal di peringkat menengah rendah. Begitu juga semoga kajian ini dapat memberi panduan kepada beberapa pihak iaitu:

1. Dari segi profesion perguruan, diharapkan dapatan kajian ini akan menjadi panduan kepada guru dalam melaksanakan dan memotivasikan diri khususnya dalam mempertingkatkan kesediaan guru dalam mengajar matapelajaran Kemahiran Teknikal.
2. Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merangka sukatan matapelajaran Kemahiran Hidup yang sesuai dan dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh guru-guru.
3. Pihak Kementerian boleh menggunakan dapatan penyelidikan ini untuk membantu menangani masalah yang dihadapi oleh guru matapelajaran Kemahiran Teknikal.
4. Pihak sekolah agar dapat membuat perancangan atau tindakan bagi penyusunan jadual, penyelenggaraan bengkel dan pembahagian guru Kemahiran Hidup Bersepadu.

Skop Kajian

Walapun skop dan bidang kajian luas dan menyeluruh, pengkaji menjalankan kajian mengikut batasan tertentu berdasarkan tempat kajian, sampel kajian dan bilangan sampel kajian.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di 12 buah sekolah menengah di Daerah Kluang, Johor. Segala keputusan dan rumusan hanyalah benar bagi tempat yang berkenaan

Sampel Kajian

Sampel kajian dipilih adalah terbatas kepada guru-guru yang mengajar subjek Kemahiran Teknikal di sekolah-sekolah menengah daerah Kluang, Johor.

Bilangan Sampel Kajian

Bilangan sampel kajian terhad kepada 40 orang guru sahaja iaitu mengikut sekolah-sekolah menengah rendah di daerah Kluang, Johor.

Metodologi

Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di sekolah menengah harian biasa di daerah Kluang. Terdapat 15 buah sekolah menengah harian biasa dalam daerah Kluang dan daripada jumlah tersebut 12 buah sekolah merupakan sekolah menengah harian biasa dipilih sebagai kajian. Kajian ini meliputi seluruh populasi iaitu seramai 40 orang guru Kemahiran Teknikal yang mengajar di daerah Kluang.

Kajian ini menggunakan sampel keseluruhan populasi di mana kesemua guru yang mengajar matapelajaran Kemahiran teknikal di daerah Kluang. Menurut Najib (1998), sekiranya jumlah ahli tidak ramai. Penyelidik boleh menggunakan semua ahli sebagai sampel. Oleh yang demikian penyelidik mengambil keseluruhan populasi sebagai sampel kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik digunakan kerana ia lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama responden (Mohd Majid, 1994). Responden bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal selidik dan mereka tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Soal selidik mempunyai beberapa kelebihan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan maklumat. Antara kebaikan menggunakan soal selidik ialah:

- i. Kaedah ini adalah lebih cepat dan boleh menjimatkan masa dan perbelanjaan.
- ii. Responden lebih berani dan bersedia untuk memberi maklumbalas terhadap aspek yang dikaji. Oleh sebab itu penyelidik berasa lebih yakin dengan data-data yang diperolehi.

Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan persoalan kajian. Borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kandungan setiap bahagian adalah seperti berikut:

Bahagian A : Latar belakang guru

Dalam bahagian ini skala nominal digunakan dimana soalan perlu ditanda oleh responden. Bahagian ini mengandungi soalan latar belakang guru. Responden dikehendaki menandakan (/) pada kotak jawapan pilihan.

Bahagian B : Item soal selidik

Skala Likert digunakan dalam Bahagian B. Skala jenis ini digunakan kerana ianya dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap maklumbalas responden. Soalan ini direkabentuk untuk meninjau kesesuaian sukatan matapelajaran kemahiran teknikal Menengah rendah mengikut persepsi guru-guru kemahiran hidup di daerah Kluang.

Soalan atau pernyataan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu berdasarkan persoalan kajian iaitu kesesuaian alatan, masa, isikandungan dan kaedah pengajaran. Setiap kategori mengandungi beberapa soalan dan pernyataan yang berkaitan dengan kategori tersebut.

Kajian Rintis

Kajian rintis diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Majid, Majidee, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tebrau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Molek, Johor Bahru. Kajian rintis ini menggunakan item-item dalam borang soal selidik yang akan digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk kajian ini.

Kajian rintis ini merupakan satu kaedah biasa yang digunakan untuk menilai kesahan serta kebolehpercayaan soalan-soalan yang dikemukakan iaitu sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu ia juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana responden memahami item soalan yang dikemukakan. Ini bertujuan supaya penyelidik dapat menjadikannya sebagai panduan memperbaiki soalan-soalan yang

dikemukakan sebelum kajian sebenar dijalankan. Hasil dari kajian rintis ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package of Social Science for Windows) Release 14.0.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang guru di tiga buah sekolah tersebut. Dari kajian rintis yang dijalankan nilai alpha yang diperolehi adalah 0.742 dan beberapa perubahan telah dibuat bagi memantapkan soalan yang dikaji.

Analisis data kajian rintis menggunakan statistik Alpha Cronbach iaitu 'reliability coefficient' atau pekali kebolehpercayaan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item. Jadual di bawah menunjukkan nilai pekali Alpha Cronbach, jika nilai alpha menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaan amat tinggi, baik dan berkesan. Jika nilai antara 0.6 hingga 0.7 ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik.

Di samping itu, ujian -T digunakan untuk menentukan perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru-guru KHB lelaki dan guru-guru KHB perempuan dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB. Menurut Sulaiman Ngah Razali (1996), Ujian-T digunakan untuk membandingkan antara min yang dimiliki oleh kumpulan kawalan dengan min yang dimiliki oleh eksperimen dengan syarat kedua-dua kumpulan itu mempunyai kumpulan yang sama. Daripada penganalisan tersebut pengkaji dapat membuat penilaian terhadap responden dengan mengkategorikan penilaian tersebut kepada beberapa tahap tertentu.

Perbincangan

Kesesuian sukatan matapelajaran Kemahiran Teknikal untuk pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah.

Analisis kajian secara keseluruhannya mendapati guru-guru yang mengajar matapelajaran kemahiran teknikal di daerah Kluang berpendapat sukatan yang terdapat dalam matapelajaran ini masih relevan diajar diperingkat menengah rendah. Nilai min yang tinggi menunjukkan guru-guru di daerah Kluang bersetuju dengan pernyataan ini.

Ini dikukuhkan lagi dengan nilai min yang tinggi pada semua item kajian. Perlu diingat bahawa matlamat utama matapelajaran kemahiran teknikal diwujudkan adalah untuk memperkembangkan kebolehan murid dalam kemahiran teknologi, kecenderungan mereka cipta dan semangat keusahawanan. Kemahiran asas yang sedemikian dapat digunakan sepenuhnya untuk membolehkan murid berdikari dan yakin diri serta mampu menjalani kehidupan secara produktif dalam dunia teknologi dan ekonomi yang kompleks dan sentiasa berubah.

Di dalam matapelajaran kemahiran teknikal juga diterapkan dengan nilai-nilai sebagai pekerja mahir. Sejalan dengan keperluan Negara iaitu keperluan kepada pekerja mahir begitu penting kerana bidang teknikal adalah salah satu bidang yang menggunakan peralatan berteknologi dan sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Pekerja yang mahir inilah yang akan mencorakkan pembangunan negara dan hasilnya akan dinikmati oleh seluruh masyarakat. Abdul Rahman (1997) berkata, kemahiran teknikal ini mesti dimiliki oleh setiap individu, kerana tanpa kemahiran teknikal ini, individu tidak dapat menghidangkan keistimewaan untuk dinikmati oleh masyarakat.

Pernyataan ini disokong oleh (Ismail Ibrahim, 1992, 35), Masyarakat Malaysia yang di harapkan dalam wawasan 2020 ialah masyarakat yang saintifik dan progresif, masyarakat yang maju, yang dapat melahirkan anggotanya yang benar-benar sampai ke tahap pengetahuan yang tinggi, iaitu masyarakat yang dapat melahirkan generasi yang mempunyai kecekapan dan kemahiran di dalam berbagai-bagai bidang.

Laporan Jawatan Kuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran menyatakan tentang pentingnya Pendidikan Teknik dan Vokasional diperluas dan dimajukan lagi. Secara khusus laporan tersebut membuat perakuan berkenaan seperti yang terkandung dalam perakuan 319:

“ Dalam keadaan pembangunan negara pada hari ini yang menggalakkan penyertaan yang lebih luas di dalam bidang perusahaan dan perdagangan, program pendidikan vokasional dan teknik menjadi lebih penting. Untuk mencapai tujuan ini adalah diperakukan supaya pendidikan teknik dan vokasional hendaklah diperluaskan dan dimajukan lagi ”

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1984)

Memandangkan matlamat Malaysia adalah untuk menjadi sebuah negara maju, maka kegiatan yang berkaitan dengan perindustrian perlu diperhebatkan. Penggunaan kelengkapan dan teknologi tinggi memerlukan tenaga mahir yang cukup terlatih di semua bidang, (Prosiding Kebangsaan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, 1997). Menurut John Arul Philips (1997), arah ekonomi Malaysia menuju kepada perkembangan industri teknologi tinggi dan permintaan untuk tenaga manusia yang berkemahiran tinggi menjadi lebih ketara. Seiring dengan perubahan perkembangan negara yang menekan kemahiran teknologi, negara memerlukan lebih ramai tenaga kerja berkelayakan tinggi dalam bidang kemahiran.

Berdasarkan pada ujian –t yang telah dibuat, tiada perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan guru perempuan mengenai kesesuaian isi kandungan matapelajaran kemahiran teknikal yang diajar di peringkat menengah rendah. Ini menunjukkan bahawa perbezaan jantina tidak mempengaruhi persepsi tentang kesesuaian isi kandungan kemahiran teknikal yang sedia ada. Menurut Ramachandran dan Azni Jaffar (2003) di dalam jurnalnya, berdasarkan kepada persepsi guru-guru KH mengenai isi kandungan matapelajaran Kemahiran Hidup, didapati majoriti daripada guru-guru bersetuju bahawa isi kandungan Kemahiran Hidup relevan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan mengambil kira kepentingan masyarakat dan kehendak negara.

Masa yang diperuntukkan bagi sesuatu sesi pengajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.

Bagi aspek masa yang diperuntukkan untuk mengajar subjek kemahiran teknikal peringkat menengah rendah, guru-guru kemahiran teknikal di daerah Kluang berpendapat bahawa masa yang diperuntukkan masih tidak mencukupi. Nilai keseluruhan min soalan kajian 2 menunjukkan ia berada pada tahap tinggi.

Banyak faktor yang menyebabkan isu masa ini sering diperkatakan oleh semua guru di hampir semua sekolah di seluruh Negara. Antara faktor tersebut ialah pengurusan jadual waktu yang tidak fleksibel. Masalah ini timbul kerana di dalam mata pelajaran KH peruntukan masa yang diberikan ialah tiga waktu semingguyang mengandungi 90-120 minit. Pengagihan waktu seminggu di dalam KH tidak seragam. Ini semua bergantung kepada budi bicara pihak pentadbir sekolah.

Pada asasnya, matlamat pentadbiran sekolah adalah untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Adalah menjadi tanggungjawab pengetua untuk mewujudkan serta mengekalkan suasana yang sesuai untuk pembelajaran dan memastikan pencapaian pelajar nanti adalah baik. Peryataan ini disokong oleh (Fowziah,1991) Untuk melicinkan pelaksanaan KH, pihak sekolah telah memberi kerjasama yang baik bagi memastikan bahawa program KH dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu bergantung kepada kesesuaian dalam penyusunan jadual waktu.

Menurut (Fowziah ,1991). di sinilah terletak kemahiran dan pengetahuan seseorang pengetua, penolong-penolong kanan dan penyelia petang dalam menyusun jadual waktu agar ia sesuai dengan kehendak guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Dalam kajian ini didapati kebanyakan daripada sekolah menggunakan kombinasi jadual waktu dua waktu (double period) sekali dalam satu masa pengajaran. Ini amat sesuai dengan perjalanan program KH kerana ia memudahkan untuk merancang kerja projek yang berbentuk amali. Jadual waktu yang sistematik kurang menimbulkan masalah kepada guru-guru terutamanya dari segi kelicinan proses pengajaran dan pembelajaran. Di antaranya ialah Mardevan (1990) yang menyatakan bahawa pelaksanaan jadual waktu KH tidak sesuai dengan waktu amali contohnya dalam amali pertanian di mana guru membawa pelajar-pelajar ke kebun pada waktu 12.00 tengah hari. Ini tidak sesuai dengan amalan pertanian yang sebenarnya. Guru-guru merungut kerana penyusunan jadual yang tidak memuaskan.

Memandangkan topik KH terlalu banyak dan peruntukan waktu yang terhad, pelajar-pelajar kadangkala terpaksa menyiapkan kerja projek sehingga dua minggu di rumah kerana peruntukan masa yang digunakan di sekolah tidak mencukupi untuk menyiapkan kerja tersebut. Di sini perancangan perlu dibuat agar pelaksanaan sesuatu program dapat dijalankan dengan lebih teratur dan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar (Sharifah, 1990).

Pengalaman juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan pengurusan masa dan alatan lebih teratur dan tersusun. Mengikut Norhiza (1994), guruguru yang mengajar KH mestilah terdiri daripada guru-guru yang terlatih, berpengetahuan dan berkemahiran yang tinggi dalam bidang tersebut. Ini akan menambahkan lagi keyakinan guru semasa mengajar. Sharifah (1994) menyatakan bahawa guru-guru perlu didedahkan dengan pengetahuan yang baru supaya mereka menjalankan tugasmereka dengan lebih efisien, kreatif, reflektif dan peka terhadap kehendak pelajar.

Berdasarkan pada ujian -t yang telah dibuat, tiada perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan guru perempuan mengenai masa yang diperuntukkan bagi sesi pengajaran matapelajaran kemahiran teknikal yang diajar di peringkat menengah rendah. Ini menunjukkan bahawa perbezaan jantina tidak mempengaruhi pengurusan masa mengajar dan amali di dalam satu sesi pengajaran. Kesediaan guru juga boleh menyumbang kepada perkara ini, jika seseorang guru mempunyai persediaan awal semasa mengajar iaitu menyediakan alatan dan bahan sebelum ia memulakan PNP, maka isu ini boleh diatasi dengan baik. Dalam kajian Chew (1993) menyatakan masalah yang timbul dari perubahan, persediaan dan kesediaan guru adalah faktor penting untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum baru.

Alatan dan kemudahan mencukupi atau mudah diperolehi bagi proses pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.

Bagi aspek alatan dan kemudahan yang disediakan bagi tujuan membantu proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Kemahiran Teknikal di daerah Kluang, dapatan kajian mendapati bahawa alatan dan kemudahan yang disediakan mencukupi. Ini dapat dibuktikan lagi dengan nilai min adalah tinggi pada soalan kajian 3.

Selain dari itu penyelidik mendapati bahawa sekolah yang terletak di kawasan bandar mempunyai alatan dan kemudahan yang baik berbanding dengan sekolah yang berada di luar bandar. Untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KH, pihak sekolah perlulah menyediakan peralatan yang mencukupi supaya pelajar dapat belajar dalam keadaan yang memuaskan tanpa sebarang halangan yang boleh mengganggu proses pembelajaran (Rohana, 1996).

Penggunaan alatan seperti alat pertukangan,perpaipan ,pertanian dan lain-lain juga disesuaikan mengikut kaedah dan cara penggunaannya seperti yang terdapat di dalam matapelajaran kemahiran teknikal. Guru

juga memainkan peranan yang penting membimbing pelajar untuk menggunakan alatan/kemudahan yang disediakan Mengikut Friedenberg (1991), untuk menentukan sesuatu program itu berjaya, sumber-sumber dalam dimensi input perlu mencukupi bagi memastikan penggunaan yang optimum.

Dalam matapelajaran kemahiran teknikal, peralatan dan bengkel/lading merupakan faktor yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran teknikal. Jaffar (1995), menyatakan bahawa peralatan untuk kegunaan pertanian tidak mencukupi kerana bilangan pelajar terlalu ramai. Di sini kita dapat melihat bahawa sekolah juga memainkan peranan yang penting bagi melancarkan lagi proses PNP kemahiran teknikal yang diajar di sekolah. Menurut James M. Thrasher (1972), pihak yang terlibat dalam merancang penyediaan kemudahan fizikal sekolah ialah pihak pentadbir pendidikan, lembaga sekolah, perunding pendidikan, masyarakat tempatan dan juga pihak pelajar itu sendiri.

Berdasarkan pada ujian -t yang telah dibuat, tiada perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan guru perempuan bagi alatan dan kemudahan mencukupi atau mudah diperolehi bagi proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran kemahiran teknikal yang diajar di peringkat menengah rendah. Ini menunjukkan bahawa perbezaan jantina tidak melibatkan penggunaan alat bantu mengajar di dalam satu sesi pengajaran kemahiran teknikal. Menurut Noraziah Abd. Hamid, (1981), penggunaan alat bantu mengajar adalah perlu untuk pelajar memahami konsep abstrak yang tidak difahami melalui pembelajaran biasa.

Kaedah demonstrasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

Terdapat banyak kaedah dan teknik pengajaran yang disarankan oleh pakar-pakar pendidikan. Menurut Mok (1992), terdapat tiga unsur utama yang terlibat didalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu guru, pelajar dan bahan (alat bantu mengajar). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran tajuk Reka Cipta, Rosehan (1996) memberikan beberapa teknik pengajaran yang boleh digunakan iaitu teknik membina projek, teknik sumbangsaran, teknik perbincangan, teknik demonstrasi, teknik penyelesaian masalah, teknik soal jawab dan teknik syarahan.

Pemilihan kaedah pengajaran juga penting bagi memastikan pelajar dapat menerima dan memahami perkara yang diajar oleh guru. Di dalam kajian ini pengkaji memilih kaedah demonstrasi kerana kaedah ini amat sesuai digunakan pakai bagi mengajar matapelajaran ini. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang disarankan bagi mata pelajaran KH ialah berdasarkan kepada pembelajaran melalui pengalaman.

Strategi pengajaran adalah lebih penting lagi jika kita mengajar pelajar-pelajar yang berbeza dari segi kebolehan, pencapaian, kecenderungan serta minat yang berbezabeza. Kita perlu rancang pendekatan dan kaedah yang digunakan untuk mengajar kumpulan-kumpulan yang berbeza-beza itu. Contohnya, dalam bilik darjah KBSM yang biasanya terdiri daripada kumpulan lemah, kumpulan serdahana serta kumpulan cergas. Guru terpaksa memikirkan strategi pengajaran yang terdiri daripada pelbagai kaedah mengajar untuk memenuhi keperluan semua kumpulan. Di samping itu, setiap bilik darjah mempunyai halangan serta rintangan-rintangan yang tersendiri seperti keadaan fizikal, kemudahan bilik darjah, nilai, norma serta latar belakang sekolah dan murid. Lantaran itu, seseorang guru bukan sahaja mesti menguasai berbagai-bagai kaedah mengajar tetapi yang lebih penting lagi ialah bagaimana mengintegrasikan serta menyusun kaedah-kaedah itu untuk membentuk strategi pengajaran yang paling berkesan dalam pengajarannya.

Kaedah amali atau bengkel didefinisikan sebagai setiap pelajar, atau sepasang atau sekumpulan kecil pelajar dibekalkan dengan alatan untuk menjalankan amali (Zol Azlan,2000). Tujuan kaedah ini adalah untuk membentuk sikap dan pemikiran kreatif; pelajar supaya mereka mengalami secara terus sesuatu

kerja amali. Dalam kaedah ini, guru bertindak sebagai fasilitator. Murid akan melaksanakan kerja-kerja amali manakala guru hanya pemerhati dan pembimbing.

Kebanyakan pelajar menyatakan guru mereka pandai menggunakan kemahiran mengajar amali iaitu guru mereka sentiasa menunjukkan demonstrasi mengenai bagaimana hendak melakukan kerja-kerja amali dengan jelas. Dengan cara ini pelajar-pelajar lebih memahami bagaimana hendak membuat amali tersebut. Satu perkara yang dapat dilihat dalam pengajaran guru, kebebasan memberi ide dalam pengajaran amali dapat membuat pelajar lebih kreatif dan inovasi. Ini amat sesuai dengan objektif KH yang bertujuan menggalakkan pelajar lebih kreatif dan inovasi.

Guru-guru telah berjaya menggalakkan pelajar-pelajar mereka dilibatkan secara aktif dalam proses pembelajaran iaitu bukan sekadar menjadi pendengar yang pasif. Mereka memerlukan kefahaman yang jelas tentang sesuatu kemahiran dan perihal untuk melaksanakannya iaitu melalui tunjukkan dengan pelajar. Sebagai guru, mereka telah memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar untuk mencuba kemahiran-kemahiran tersebut di bawah penyeliaan guru serta terus dibantu untuk melahirkan penggunaannya sehingga mereka tamat persekolahan. Guru-guru KH telah berjaya menggunakan kaedah penyampaian yang beragam yang amat sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi ada beberapa kajian yang telah menunjukkan keputusan yang dapat yang berbeza.

Di antaranya ialah Fowziah (1995), mendapati kebanyakan guru menggunakan teknik yang sama, iaitu pengajaran secara kuliah yang pada keseluruhannya tidak dijalankan dengan berkesan. Kajian Fullan (1992) pula menunjukkan guru-guru terlalu bergantung kepada beberapa strategi pengajaran yang terhad seperti perbincangan, pemerhatian, kuliah dan laporan pelajar, sedangkan aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah dan penggunaan makmal kurang dimanfaatkan. Sharifuddin (1996) yang mengkaji strategi yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran yang membuat penyelidikan bahawa teknik kuliah dan perbincangan yang mereka gunakan telah menimbulkan keraguan dari segi hasil pembelajaran kerana teknik-teknik tersebut kurang sesuai untuk melatih kemahiran amali. Kajian ini juga telah berjaya menunjukkan bahawa guru-guru KH tidak termasuk dalam kajian di atas. Mereka lebih banyak menggunakan pelbagai kaedah penyampaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping menggunakan kaedah penyampaian yang beragam, guru-guru juga patut memanfaatkan sepenuhnya pengalaman mengajar yang sedia ada sebagai satu strategi untuk meningkatkan hasil pengajaran. Guru juga perlu mengambil kesempatan untuk bertukar-tukar fikiran dan berkongsi pengalaman dengan rakan sejawat sebagai salah satu faktor yang memberi kesan kepada pengajaran mereka. Katz (1977) juga melaporkan pengakuan guru-guru bahawa perkongsian pengalaman mereka dengan rakan peserta kursus sangat mempengaruhi peningkatan persembahan harian mereka.

Pendekatan pengajaran merupakan haluan atau aspek yang digunakan untuk mendekati atau memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran, sesuatu mata pelajaran atau beberapa mata pelajaran atau sesuatu kemahiran. Pendekatan-pendekatan wujud berdasarkan aspek-aspek pengajaran yang kita ingin utamakan atau memberi perhatian yang lebih utama. Sebab itu ada kalanya pendekatan meyerupai klasifikasi pengajaran di mana jenis-jenis pendekatan wujud berdasarkan kriteria-kriteria yang kita gunakan untuk meneliti proses pengajaran. Pendekatan-pendekatan pengajaran boleh digolongkan mengikut cara pengelolaan murid, cara-cara fakta disampaikan, keaktifan pengajaran atau pelajar, pengajaran bahasa dan pengajaran mata pelajaran lain.

Berdasarkan pada ujian -t yang telah dibuat, tiada perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan guru perempuan dengan kaedah demonstrasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah. Menurut Sharifah Alawiyah (1983) guru harus mengetahui, memahami dan dapat menggunakan kesemua kaedah ini, dan memilih kaedah-kaedah yang paling berkesan untuk pengajarannya.

Rumusan

Ilmu pengetahuan yang mantap dan kemahiran yang jitu sangat diperlukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru-guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah merupakan golongan yang bertanggungjawab mengajar pelajar-pelajar peringkat menengah rendah dalam matapelajaran kemahiran teknikal baik sama ada dari segi teori dan praktikal. Penguasaan kemahiran-kemahiran yang menjadi tunjang kepada komponen kemahiran teknikal oleh para guru akan dapat memberikan kesan pembelajaran yang optimum kepada para pelajar. Justeru itu, para pelajar akan dapat memperolehi bimbingan yang diperlukan dan bukan sekadar menguasai tajuk di dalam matapelajaran kemahiran teknikal bahkan menghasilkan produk yang berkualiti.

Tahap penguasaan yang baik oleh guru-guru terhadap pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar matapelajaran kemahiran akan membolehkan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan. Sekiranya keadaan sebaliknya berlaku, ia akan mengakibatkan gangguan kepada kelancaran perjalanan sesi pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini akan menyebabkan guru kurang berkeyakinan untuk menjalankan proses penyampaian ilmu dan kemahiran kepada pelajar-pelajar. Seterusnya akan berlaku keciciran ilmu kepada mereka dan ini akan merugikan pelajar-pelajar di bawah bimbingannya.

Rujukan

- Azhar Noh (2004). *Kesesuaian Sukatan Pelajaran Amali Menggegag Mengikut Persepsi Guru- Guru Mengajar Kursus Amalan Bengkel Mesin Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Sarawak*. Universiti Teknologi Skudai.
- A. Mardevan (1990): *Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Malaysia*” Petaling Jaya. IBS Buku Sdn. Bhd
- Abu Bakar Nordin (1991). *Kurikulum Perpektif dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur. Pustaka Antara Sdn Bhd.
- Atan Long (1981). *Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Azizah Abdul Rahman & Fowziah Bakar (1991). *Pendidikan Vokasional dalam Reformasi Pendidikan di Malaysia. Satu Analisis*. Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia 37 (78): 56-67.
- Azizi Yahaya, Mohd Anuar Abd Rahman dan Abdul Rahim Hamdan (1999). *Satu Penilaian Terhadap Pelaksanaan Program Kemahiran Hidup di Sekolah-Sekolah Menengah Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- Abdul Rahim Hamdan, Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli (2007) *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azman Wan Chik (1987). *Kaedah Hayati Amali*. Kuala Lumpur: Karya Bistari
- Garrison, Friedenber. (1991). *Planning Inservice Teacher Education: Promising Alternatives*, Bethesda, Md.: ERIC Document Reproduction Service.
- Hasan Langgulung (1981). *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Jaafar Mohd Amin (1995). *Peranan Guru: Ke Arah Peningkatan Mutu Pengajaran*. Jurnal Guru : Sinar Budi. Keluaran Disember 1994. Hlm 1-6.

Jalewati Ibrahim (2002). “*Persepsi Pelajar-Pelajar PKPG Tahun 3SPH dan 4SPH Terhadap Pelaksanaan Komponen Reka Cipta Dalam Kemahiran Hidup Bersepadu di Peringkat Menengah Rendah*”. Projek Sarjana Muda. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.

Kamus Dewan (1994). *Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa Dan Pustaka : Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1984). *Buku Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). *Kemahiran Hidup Bersepadu, Tingkatan 3*. Kuala Lumpur: DBP

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). *Perlaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Lee Shor Mee (1988). *Pedagogi 2, Pengajaran dan Persediaan Mengajar*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.